Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Guru perlu lihat nasihat PM dalam konteks positif - Fadhlina

Julai 15, 2024 @ 9:59pm



Fadhlina melawat kandang lembu tenusu (Program Agroindustri Ternakan Ruminan) selepas merasmikan bangunan projek naik taraf Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, hari ini. - FOTO BERNAMA

REMBAU: Warga pendidik perlu melihat nasihat Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan disiplin dan prestasi perkhidmatan mereka, dalam konteks positif, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Katanya, ini kerana kenyataan Perdana Menteri itu lebih menjurus motivasi kepada seluruh warga pendidik, sekali gus meningkatkan mutu pendidikan negara.

Walaupun mungkin terdapat sebilangan kecil yang gagal menjalankan tanggungjawab mereka, beliau berkata, Kementerian Pendidikan (KPM) memberi jaminan bahawa warga pendidik di Malaysia cukup terlatih dan komited dalam meningkatkan mutu pendidikan negara.

"Secara keseluruhan, KPM memberi jaminan guru-guru yang terlatih, cukup komited dan memberikan tumpuan sepenuh jiwa raga mereka untuk pendidikan negara.

"Apatah lagi kita sedang melangkah ke agenda penting berkaitan kurikulum baharu 2027, termasuk pelan pembangunan pendidikan 2025 dan sekarang sedang membina pelan pendidikan yang baharu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan projek naik taraf Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, di sini, hari ini.

Pada Sabtu lalu, Anwar dilaporkan berkata, kerajaan menerima prinsip **kenaikan pangkat** secara 'time-based', namun kemudahan itu akan dibatalkan bagi guru yang cuai dan lemah dari segi disiplin. – BERNAMA